

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan pada pinjaman leksis bahasa Inggeris ke dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji sejauh mana dan bagaimana pinjaman leksis Inggeris berlaku dalam karya sastera Tamil di Malaysia, khususnya dalam cerpen-cerpen Tamil. Pinjaman ini dikaji dari segi jenisnya dan juga pola-pola pembentukan leksis apabila proses pinjaman itu berlaku. Sebanyak 93 cerpen Tamil, yang diterbitkan dalam tempoh masa 6 bulan, dalam tiga buah akhbar harian Tamil, iaitu *Tamil Nesan*, *Malaysia Namban* dan *Makkal Osai* dijadikan sumber data kajian ini. Pengkaji telah memilih cerpen-cerpen daripada ketiga-tiga buah akhbar harian Tamil ini supaya dapat mengkaji penggunaan leksis Inggeris pada skop yang lebih luas dan trend kecenderungan para penulis cerpen Tamil menggunakan leksis Inggeris dalam karya mereka. Kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif mudah digunakan dalam kajian ini. Data-data yang diperolehi telah dianalisis mengikut proses peminjaman kata yang disarankan oleh Haugen, E. (1953) dan Heah (1989). Soal selidik ditadbirkan pada 16 penulis cerpen Tamil untuk meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi mereka untuk menggunakan leksis Inggeris dalam karya mereka.

Dapatan kajian, membuktikan bahawa jenis pinjaman leksis Inggeris yang paling kerap (86.0%) berlaku dalam cerpen Tamil adalah melalui proses pengimportan yang mana 37.2% melibatkan proses pinjaman tulen (*pure loan-word*) dan 48.8% pinjaman kacukan (*loan blend*). Apabila kedua-dua jenis pinjaman ini berlaku, beberapa pola pembentukan leksis dapat dikenal pasti. Jenis pinjaman kedua yang

ivpaling kerap berlaku (14.0%) ialah penggantian. Pinjaman jenis ini tidak banyak berlaku dalam cerpen-cerpen Tamil. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa keinginan para penulis untuk mewujudkan realiti dalam perbualan watak-watak dalam cerpen merupakan antara faktor berlakunya pinjaman lexis Inggeris. Kajian ini diharap memberi gambaran jelas tentang keadaan semasa pemindahan lexis bahasa Inggeris dalam cerpen bahasa Tamil dalam akhbar harian Tamil tempatan.

ABSTRACT

This study focuses on the English lexis loans found in the Tamil short stories of Malaysia. The main objective of this study is to examine the extent and the manner in which the English lexis loans occur in the Tamil literature involving short stories of Malaysia. These lexis loans are analyzed on the basis of their categories and the patterns of their formation. Altogether 93 Tamil short stories, published in three Tamil dailies of Malaysia namely, *Tamil Nesan*, *Makkal Osai* and *Malaysia Nanban*, for the period of six months have been selected for analysis. Since the above dailies are the major sources of data existing in Malaysian context, no doubt this study has more academic credibility and validity. Apart from this data on lexis, a questionnaire was also administered among 16 short story writers of Tamil in order to identify the factors which influenced them to incorporate various kinds of lexis from English in their Tamil writing. The collected data were analyzed by following the mix mode *quantitative method* and by the *qualitative method*. The theoretical frame and methodology proposed by Haugen (1953) and Heah (1989) were followed extensively while analyzing and interpreting the identified linguistic data.

From the analysis it could be inferred that the writers seem to use importation as the main process of borrowing (86.0%). In this category of importing 37.2% are pure loan words and loan blends (hybrid loans) are 48.8%. Substitution seems to be another category of borrowing, which contributes 14.0% of the total borrowing. It is also identified that the main objective of most of the writers to use the English lexis in their short stories is to create reality in the discourse of the characters. This study provides an overview of lexical borrowing in the Tamil short stories published in Malaysian Tamil dailies.